

07/09/1998

Pulau Pinang sokong tindakan Mahathir

GEORGETOWN, Ahad - Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang hari ini memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin parti itu dan berusaha memulihkan ekonomi negara.

Mesyuarat Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang yang dipengerusikan Timbalan Ketuanya, Datuk Mohd Shariff Omar, juga menerima sepenuhnya keputusan Majlis Tertinggi memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebelum dipecat Khamis lalu, Anwar ialah Ketua Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang dan Ketua Umno Permatang Pauh.

Mohd Shariff berkata, semua wakil yang hadir termasuk Ketua Wanita, Sharifah Aminah Syed Mohd, tidak membuat sebarang bantahan selepas mereka dibenarkan memberi pandangan.

"Hanya Pergerakan Pemuda Umno Negeri masih belum membuat pendirian kerana ketuanya, Dr Abdul Rahim Mohd Ghouse, masih di Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Ketua Bahagian Kepala Batas. Tujuh lagi bahagian - Nibung Tebal, Balik Pulau, Tanjung, Gelugor, Bukit Mertajam, Permatang Pauh, dan Bayan Baru - diwakili ketua atau timbalan ketua masing-masing.

Dua bahagian, Bagan yang diketuai Datuk Abdul Latif Mirasa dan Bukit Bendera oleh Senator Ahmad Ismail, tidak menghantar wakil.

Mohd Shariff berkata, Umno Pulau Pinang akan mengadakan majlis penerangan untuk ahlinya bagi menjelaskan pelucutan Anwar daripada Kabinet dan pemecatannya sebagai ahli parti.

Menurutnya, badan perhubungan itu akan menyusun program penerangan tidak lama lagi dengan bantuan Umno bahagian. Wakil Majlis Tertinggi (MT) juga dijemput untuk membantu.

"Umno Pulau Pinang juga terus berusaha dan bergerak bagi mengukuhkan perpaduan parti dan menjayakan perjuangan parti," katanya.

Ditanya kemungkinan kedua-dua bahagian yang tidak hadir atau menghantar wakil ke mesyuarat itu menolak keputusan MT, Shariff menjelaskan apa yang dicapai hari ini adalah keputusan yang hadir.

"Semua yang hadir sudah setuju, jadi yang tidak hadir akan terima keputusan yang hadir dan harus akur apabila diberitahu mengenainya melalui minit mesyuarat nanti," jelasnya

Sementara itu, Pemangku Ketua Bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad ketika ditemui berkata, mesyuarat Pemuda dan Wanita bahagian itu malam semalam turut bersetuju memberikan sokongan penuh kepada keputusan MT.

(END)